



FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia
(<http://www.moe.gov.my>)



KANDUNGAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	1
PERUTUSAN PENERUSI	4
SEKAPUR SIRIH	6
RINGKASAN EKSEKUTIF	8
UNDANG-UNDANG DAN KUASA	11
SENARAI NAMA PENERUSI, TIMBALAN PENERUSI, AHLI SURUHANJAYA DAN TARIKH LANTIKAN	15
KEAHLIAN SURUHANJAYA	17
AHLI-AHLI SURUHANJAYA	18
PENGURUSAN TERTINGGI	19
CARTA FUNGSI	20
KEDUDUKAN PERJAWATAN	21
DASAR KORPORAT	22
PIAGAM PELANGGAN	24
BAHAGIAN PENGAMBILAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)	28
BAHAGIAN PENGAMBILAN ANGGOTA KUMPULAN SOKONGAN (AKS)	36
BAHAGIAN PERKHIDMATAN	40
BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB	62
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA	70
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	80
SPP CAWANGAN SABAH	84
SPP CAWANGAN SARAWAK	90
HASIL KERJA SURUHANJAYA	96
AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2006	100
PENGHARGAAN	103



Urusan Perkhidmatan

Suruhanjaya telah meluluskan 57,920 perakuan urusan perkhidmatan PPP dan AKS sepanjang tahun 2006 yang meliputi urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen serta pemberian opsyen Skim Pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Selain itu, seramai 689 orang PPP dan AKS telah diluluskan Pertukaran Sementara, Pinjaman, Pelantikan Kontrak/Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak, Pertukaran Pelantikan Melalui Opsyen dan 5 orang PPP dan AKS telah diluluskan Penamatan Perkhidmatan.

Urusan Kenaikan Pangkat, Rayuan Kenaikan Pangkat, Tindakan Tatatertib dan Rayuan Tatatertib

Bagi urusan kenaikan pangkat, Suruhanjaya telah mengesahkan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dari jawatan Gred Utama Turus III (Memangku) ke jawatan Gred Utama Turus III berkuatkuasa 1 Januari 2005. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya tidak menerima sebarang perakuan rayuan kenaikan pangkat daripada Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran. Manakala di bawah urusan tatatertib, daripada sejumlah 51 perakuan yang diterima (termasuk 20 perakuan yang dibawa dari tahun 2005), Pengerusi Suruhanjaya telah membuat pertimbangan bagi 20 kertas yang dikemukakan untuk penentuan *kes prima facie* manakala Suruhanjaya selaku Pihak Berkuasa Tatatertib telah menimbang dan memutuskan sebanyak 26 kes tindakan tatatertib. Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Tatatertib juga telah menerima sebanyak 97 kes rayuan tatatertib dan menimbang sebanyak 69 kes di bawah urusan tersebut.

UNDANG-UNDANG DAN KUASA

Penubuhan dan keanggotaan Suruhanjaya

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada 1 Januari 1974 mengikut Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan. Keanggotaannya sekarang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 16 orang Ahli Suruhanjaya. Semua Ahli Suruhanjaya kecuali Setiausaha, adalah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Setiausaha adalah ahli *ex-officio* dalam Suruhanjaya.

Kuasa Suruhanjaya

Di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya adalah berkuasa terhadap Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam Perkhidmatan Pendidikan.

Suruhanjaya melaksanakan kuasanya secara terus bagi urusan Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib bagi PPP dan AKS dalam Perkhidmatan Pendidikan. Walau bagaimanapun, sebahagian kuasa Suruhanjaya bagi urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib telah diberikan kepada lembaga-lembaga tertentu yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 144(5B) Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada melaksanakan kuasanya secara terus, Suruhanjaya juga melaksanakan secara penurunan kuasa mengikut Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan. Di antara penurunan kuasa yang telah diwakilkan ialah:

Antara Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya Sepanjang Tahun 2006 :



27 Februari 2006

Majlis Mengadap K.D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Perak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.



8 Mei 2006

Mesyuarat Suruhanjaya Kali Ke-776 di Berjaya Redang Beach Resort, Pulau Redang, Terengganu.



20 Jun 2006

Lawatan Kerja SPP ke Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan.



12-14 September 2006

Majlis Perasmian Persidangan Perkhidmatan Pendidikan SPP di Hotel Equatorial, Melaka.



13 November 2006

Majlis Jamuan Silaturrahim Aidilfitri SPP di Aras 1, Blok B3, Putrajaya.



28 November 2006

Majlis Sesi Dialog SPP bersama Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak di Hotel Crowne Plaza, Riverside, Kuching, Sarawak.



21 Disember 2006

Majlis Hari Kualiti SPP di Auditorium, Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.



PENGHARGAAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan perkhidmatan yang telah diberikan oleh beberapa orang Ahli Suruhanjaya dan pegawai SPP yang bersara pada tahun 2006 iaitu :

Ahli Suruhanjaya :

- i. Y.Bhg. Dato' Haji Abdul Raof bin Hussin (19.9.2006)
- ii. Y.Bhg. Dato' Ahmad bin Khalid (20.9.2006)
- iii. Y.Bhg. Dato' Mohamed @ Razlan bin Hasan (20.9.2006)
- iv. Encik Yip Seong Chee (20.9.2006)

Kakitangan SPP :

- i. Puan Siti Khadijah Omar (1.2.2006)
- ii. Puan Khairul Bariah binti A'ala (6.3.2006)
- iii. Puan Siti Fatimah binti Ariffin (22.10.2006)

Sekalung penghargaan dan terima kasih juga kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan agensi-agensi lain yang telah memberikan bantuan dan kerjasama dengan menyediakan kemudahan dan bantuan untuk Urusan Temu Duga, Majlis Sesi Dialog, Lawatan Kerja dan sebagainya.



► **Penurunan Kuasa**

- (i) Menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pengarah Pelajaran Negeri dan Pengetua Institut / Maktab Perguruan dan Politeknik bagi urusan Pelantikan ke Jawatan Tetap, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan bagi jawatan AKS yang mensyaratkan kelayakan masuk lebih rendah daripada Sijil Rendah Pelajaran (SRP) / Penilaian Menengah Rendah (PMR);

Contohnya ialah jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1 dan Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3.

- (ii) Menurunkan kuasa kepada sebuah Lembaga yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah, Jabatan Pelajaran Pra Sekolah Rendah dan Menengah, KPM dan seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, KPM bagi urusan Pemberian Taraf Berpencen kepada pekerja dalam kumpulan perkhidmatan, pentadbiran dan sokongan, perkhidmatan mahir, separuh mahir dan tidak mahir dalam kumpulan sokongan yang mensyaratkan kelayakan masuk lebih rendah daripada SRP / PMR;
- (iii) Menurunkan kuasa kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Jabatan Sekolah dan Pengarah Bahagian Sekolah), KPM bagi urusan Pelantikan Secara Kontrak guru yang telah bersara wajib ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA29;
- (iv) Menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah, KPM, Pengarah Pelajaran Negeri dan Pengetua Institut / Maktab Perguruan dan Politeknik bagi urusan Pelantikan Secara Kontrak bagi jawatan AKS iaitu jawatan Pekerja Rendah Awam Gred R1, Jaga Gred R1 dan Tukang Masak Gred N1; dan

- (v) Memberi ketetapan kuasanya kepada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Timbalan Setiausaha Suruhanjaya. Keputusan yang dibuat oleh mereka dibentangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ) untuk pengesahan Suruhanjaya. Penurunan kuasa ini dibuat melalui kaedah-kaedah yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya pada 14 April 2003 mengikut Perkara 144(8) Perlembagaan Persekutuan.

PETIKAN DARIPADA PERLEMBAGAAN

Petikan daripada Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kuasa-kuasa Suruhanjaya tersebut adalah seperti berikut:

► **Perkara 144 (1):**

Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang ada dan kepada peruntukan Perlembagaan ini, maka adalah menjadi kewajiban sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.

► **Perkara 144 (5B(I)) :**

- (i) Walau apapun peruntukan-peruntukan Fasal (1) Perkara 135 dan Perkara 139 dan Perkara 141A, semua kuasa dan tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) atau SPP yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 dan Perkara 141A, lain daripada kuasa membuat pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh suatu jemaah yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. (Akta A193);



- (ii) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan penjalanan mana-mana kuasa atau tugas yang tersebut di atas oleh jemaah itu boleh merayu kepada suatu Jemaah Rayuan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (iii) Yang di-Pertuan Agong boleh dengan peraturan-peraturan membuat peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan pelantikan ahli-ahli jemaah atau ahli-ahli Jemaah Rayuan itu, dan acara yang akan diikuti oleh jemaah atau Jemaah Rayuan itu di bawah Fasal ini; dan
- (iv) Jika Yang di-Pertuan Agong telah melantik jemaah itu di bawah perenggan (i) Fasal ini bagi maksud menjalankan mana-mana kuasa atau tugas yang tersebut dalam perenggan itu, maka kuasa atau tugas itu hendaklah terhenti daripada dijalankan oleh Suruhanjaya tersebut selagi kuasa atau tugas itu masih menjadi suatu kuasa atau tugas yang akan dijalankan.

► **Perkara 144 (6) :**

Sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini boleh mewakilkan mana-mana tugasnya di bawah Fasal (1) mengenai sesuatu tingkatan perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana jemaah pegawai-pegawai yang dilantik olehnya itu, dan pegawai atau jemaah itu hendaklah menjalankan tugas-tugas itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

► **Perkara 144 (5B(i)) :**

Sesuatu Suruhanjaya yang dimaksudkan oleh Bahagian ini, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan, boleh membuat kaedah-kaedah mengaturnya dan menetapkan bilangan ahli-ahlinya untuk menjadikan *quorum*.

SENARAI NAMA Pengerusi, TIMBALAN Pengerusi, AHLI SURUHANJAYA DAN TARIKH LANTIKAN

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Rafie bin Mahat
P.S.M., P.J.N., D.P.M.P., D.S.N.S., D.M.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K.
Pengerusi
(08.01.2005)

Y.Bhg. Dato' Haji Kusaini bin Haji Hasbullah
D.P.T.J., K.M.N., P.P.N., P.I.S.
Timbalan Pengerusi
(16.10.2006)

Y.Bhg. Dato' Haji Muhamad bin Mustaffa
D.P.M.T., K.M.N., A.M.N., P.J.C., P.J.K.
Ahli Suruhanjaya
(05.02.2002)

Encik Surjeet Singh @ Surjit Singh a/l Amar Singh
J.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(30.12.2002)

Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad Zainuddin bin Othman
D.P.M.P., K.M.N., P.P.T.
Ahli Suruhanjaya
(21.05.2003)

Y.Bhg. Dato' Habibah binti Zon
D.P.M.P., K.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(25.08.2003)

Y.Bhg. Dato' Dr. Hajah Wan Chik Rahmah binti Wan Din
D.P.M.P., A.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(25.08.2003)

Tuan Haji Semawi @ Asmawi bin Haji Abdul Kadir
P.M.P., A.M.N., P.P.T.
Ahli Suruhanjaya
(25.08.2003)

Encik Ngoo Kong Hua @ Ngoo Kong Hee
K.M.N., P.J.C.
Ahli Suruhanjaya
(25.08.2003)

Tuan Haji Mohammad Nistah bin Haji Kabul
A.M.N., A.D.K., B.S.K., B.K.
Ahli Suruhanjaya
(13.01.2004)

Encik Rajalingam a/l Karuppiah
P.J.K.
Ahli Suruhanjaya
(04.08.2004)

Tuan Haji Senan bin Ibrahim
K.M.N., A.M.N., P.I.S.
Ahli Suruhanjaya
(01.11.2004)

Y.Bhg. Dato' Mohd. Nawi bin Haji Ahmad
D.I.M.P., J.S.M., K.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(21.09.2005)

Y.Bhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad
D.S.P.N., J.S.M., D.J.N., K.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(21.09.2005)

Encik Blawan Embayau
A.M.N., P.P.B.
Ahli Suruhanjaya
(21.09.2005)

Y.Bhg. Dato' Mohd. Azmi bin Razak
D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(16.10.2006)

Encik Tan Eng Hock
K.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(16.10.2006)

Puan Hajah Siti Zaharah @ Siti Zahrah binti Mat Akib
K.M.N., A.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(16.10.2006)

Cik Kamariah binti Ramli
Ahli Suruhanjaya
(16.10.2006)

Y.Bhg. Dato' Haji Abdullah bin Haji Abdul Kadir
D.I.M.P., A.M.N., A.M.P.
Ahli Suruhanjaya
(16.10.2006)

Y.Bhg. Datin Dr. Nor Hayati binti Abdul Rasid
A.M.N.
Ahli Suruhanjaya
(16.10.2006)

KEAHLIAN SURUHANJAYA



TIMBALAN PENERUSI
Y.Bhg. Dato' Haji Kusaini
bin Haji Hasbullah



PENERUSI
Y.Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Rafie
bin Mahat



**SETIAUSAHA
(AHLI EX-OFFICIO)**
Y.Bhg. Dato' Nooraishah
binti Ahmad Tajudin

AHLI-AHLI SURUHANJAYA



Y.Bhg. Dato' Haji Muhamad bin Haji Mustaffa



Y.Bhg. Dato' Haji Ahmad Zainuddin bin Othman



Puan Hajah Siti Zaharah @ Siti Zahrah binti Mat Akib



Y.Bhg. Datin Dr. Nor Hayati binti Abdul Rasid



Cik Kamariah binti Ramli



Y.Bhg. Dato' Dr. Hajah Wan Chik Ramlah binti Wan Din



Y.Bhg. Dato' Habibah binti Zon



Y.Bhg. Dato' Hajah Rahimah binti Dato' Haji Ahmad



Encik Tan Eng Hock



Y.Bhg. Dato' Mohd. Azmi bin Razak



Y.Bhg. Dato' Haji Abdullah bin Haji Abdul Kadir



Tuan Haji Semawi @ Asmawi bin Haji Abdul Kadir



Tuan Haji Senan bin Ibrahim



Encik Ngoo Kong Hua @ Ngoo Kong Hee



Y.Bhg. Dato' Mohd. Nawi bin Haji Ahmad



Encik Rajalingam A/L Karuppiah



Encik Balawan Embayau



Tuan Haji Mohammad Nistah bin Haji Kabul



Dr. Surjeet Singh Dhillon

PENGURUSAN TERTINGGI



Y.Bhg. Dato' Nooraisah binti Ahmad Tajudin SETIAUSAHA



Encik Abdul Razak bin Wahab TIMBALAN SETIAUSAHA (P)



Encik Chin Weng Peng TIMBALAN SETIAUSAHA (K)



Encik Ahmad bin Musa KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (P)



Encik Taupik bin Yusof KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (NT)



Encik Mansor bin Omar KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (TM)



Puan Norfaizah binti Omar KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (K)



Encik Noor Mohd Huzaila bin Abdul Majid KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (T)



Encik Mohd Yazid bin Sairi KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (A)



Puan Sh. Sitti Saleha binti Hb.Yusof KETUA PEGAWAI PENTADBIR (S)



Encik Ali Noruddin bin Boying KETUA PEGAWAI PENTADBIR (Q)




Puan Mazlina binti Abdul Kadir PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM

Petunjuk

- | | |
|--|--|
| P - Bahagian Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Siswazah | T - Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia |
| K - Bahagian Perkhidmatan | A - Bahagian Pengambilan Anggota Kumpulan Sokongan |
| NT - Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib | S - Cawangan Sabah |
| TM - Bahagian Teknologi Maklumat | Q - Cawangan Sarawak |

CARTA ORGANISASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



Petunjuk

PTD - Pegawai Tadbir dan Diplomatik
 PPP - Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
 AKS - Anggota Kumpulan Sokongan

KEDUDUKAN PERJAWATAN TAHUN 2006

1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik JUSA B	-	1
2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M54	-	2
3.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M52	-	2
4.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M48	-	5
5.	Pegawai Sistem Maklumat F48	-	1
6.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44	-	12
7.	Pegawai Sistem Maklumat F44	-	1
8.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M41	-	14
9.	Pegawai Sistem Maklumat F41	-	2
10.	Pegawai Penerangan S41	-	1
11.	Penolong Pegawai Tadbir N32	-	10
12.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat F29	-	6
13.	Penolong Pegawai Tadbir N27	-	11
14.	Penolong Akauntan W27	-	1
15.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N26	-	4
16.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22	-	13
17.	Pembantu Perpustakaan S22	-	1
18.	Pembantu Tadbir (Kewangan) W22	-	1
19.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N22	-	3
20.	Pembantu Tadbir (Kewangan) W17	-	7
21.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17	-	96
22.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N17	-	12
23.	Juruteknik Komputer F17	-	1
24.	Pembantu Tadbir Rendah N11	-	33
25.	Pembantu Am Rendah N4	-	2
26.	Pembantu Am Rendah/PC/Penjaga Pejabat N1	-	16
27.	Pemandu Kenderaan Bermotor R3	-	7
JUMLAH KESELURUHAN			265

Nota : Kedudukan perjawatan ini termasuk pertambahan 82 jawatan yang diterima dan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2004.



DASAR KORPORAT

DASAR KORPORAT YANG DIHAYATI IALAH :

VISI

- ▶ Menjadikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sebuah organisasi yang dinamik, berkualiti dan mesra pelanggan.

MISI

- ▶ Memastikan urusan pengambilan dan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan dilaksanakan dengan berkualiti ke arah pencapaian matlamat pendidikan negara.

OBJEKTIF

- ▶ Melaksanakan kuasa-kuasa di bawah Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan dari segi Pelantikan, Urusan Perkhidmatan dan Kawalan Tatatertib dan Naik Pangkat Anggota Perkhidmatan Pendidikan dengan cekap dan berkualiti bagi memenuhi keperluan sektor pendidikan.

DASAR KUALITI

- ▶ SPP adalah komited terhadap usaha penambahbaikan yang berterusan bagi memenuhi harapan pelanggan.

SLOGAN Q

- ▶ Bersama Ke Arah Kecemerlangan.

KOD ETIKA

- ▶ Amanah dan Keikhlasan
- ▶ Mesra Pelanggan
- ▶ Bertanggungjawab dan Beriltizam
- ▶ Tegas dan Berdisiplin
- ▶ Bersyukur dan Berusaha Ke Arah Kecemerlangan Diri



PIAGAM PELANGGAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. Dalam hubungan ini Suruhanjaya sukacita memberi komitmen bahawa:

1. Urusan Temu Duga

- 1.1 Semua kategori calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) akan ditemu duga dalam tempoh seawal-awalnya 2 bulan dan selewat-lewatnya 6 bulan dari tarikh terima borang permohonan lengkap.*
- 1.2 Semua kategori calon Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) yang layak, yang mengemukakan permohonan lengkap dan memenuhi syarat asas tapisan yang ditetapkan, akan ditemu duga dalam tempoh seawal-awalnya 3 bulan dan selewat-lewatnya 9 bulan dari tarikh tutup iklan.*
- 1.3 Surat Akuan Terima bagi permohonan calon PPP dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh terima borang permohonan.

*Nota * : Bagi calon Negeri Sabah dan Sarawak, urusan temu duga bergantung kepada kapasiti tempat temu duga berbanding jumlah calon.*

2. Pemberitahuan Keputusan Temu Duga

Keputusan temu duga bagi kategori PPP (tidak termasuk calon Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)) dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu selepas Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ).

3. Pengeluaran Surat Pengesahan Pelantikan

Surat Pengesahan Pelantikan bagi semua kategori PPP dan AKS akan dikeluarkan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh terima Pakej Setuju Terima (PST). PST merangkumi Surat Setuju Terima Tawaran, Surat Akuan Sumpah, Surat Pemeriksaan Doktor dan Surat Akujanji.

4. Urusan Perkhidmatan

Keputusan Urusan Perkhidmatan mengenai Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen akan dimaklumkan dalam tempoh 6 minggu dari tarikh terima perakuan lengkap.

5. Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib

Urusan Rayuan Kenaikan Pangkat, Tindakan Tatatertib dan Rayuan Tatatertib diputuskan dalam tempoh 4 minggu, dikira dari tarikh terima perakuan yang lengkap dan teratur.

Khidmat Pemulihan :

Sila kemukakan laporan bertulis kepada Setiausaha SPP sekiranya perkhidmatan yang diberi tidak mematuhi Piagam Pelanggan yang ditetapkan.



BAHAGIAN PENGAMBILAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)



Pengenalan

Bahagian ini merupakan *core business* Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) di mana terasnya di dalam melaksanakan urusan pelantikan tetap untuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) (Guru). Tanggungjawab bahagian bermula dengan mempelawa calon-calon berkelayakan mengikut syarat selain perkhidmatan untuk mengemukakan permohonan bagi dilantik ke jawatan berkenaan. Semua permohonan yang diterima akan diproses bagi mengenalpasti hanya calon-calon yang memenuhi syarat untuk dipanggil temu duga. Urusan temu duga melibatkan tugas memproses, menyediakan jadual temu duga, mengenalpasti pusat temu duga, membuat tempahan pusat temu duga serta mengeluarkan surat panggilan temu duga. Calon-calon yang diperaku dalam temu duga akan dibawa untuk pertimbangan Suruhanjaya bagi lantikan ke jawatan tetap. Kertas perakuan mengenai perkara tersebut disediakan oleh bahagian ini.

Sebaik sahaja perakuan pelantikan diluluskan oleh Suruhanjaya, bahagian ini akan mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan Tetap kepada calon-calon yang telah diperakukan dan seterusnya mengeluarkan Surat Pengesahan Pelantikan apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Lembaga Temu Duga

Urusan temu duga bagi calon untuk pelantikan ke jawatan tetap dijalankan oleh Lembaga Temu Duga. Lembaga Temu Duga ditubuhkan dari semasa ke semasa yang mana setiap satunya dianggotai oleh seorang Ahli Suruhanjaya sebagai Pengerusi dan seorang pegawai Suruhanjaya sebagai Urus Setia. Biasanya di antara 15 hingga 20 Lembaga Temu Duga ditubuhkan dalam setiap jadual. Setiap Lembaga Temu Duga menemu duga di antara 16 hingga 18 orang calon dalam sehari dan kekerapan dalam sebulan di antara 12 hingga 15 hari bertugas.

Pusat Temu Duga

Pusat temu duga diadakan di ibu pejabat Putrajaya serta cawangan SPP di Sabah dan Sarawak. Selain itu, pusat temu duga diadakan di setiap ibu negeri dan di beberapa bandar utama lain termasuk kawasan pedalaman tertentu terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Urusan Temu Duga

Urus Setia membantu Ahli Suruhanjaya melaksanakan urusan pengambilan untuk pelantikan tetap bagi jawatan PPP. Pekeliling Pengambilan Bil 1/2006 telah dikeluarkan bagi mempelawa calon memenuhi syarat penuh untuk mengemukakan permohonan bagi dilantik ke jawatan berkenaan. Semua permohonan yang diterima akan diproses bagi mengenalpasti calon yang memenuhi syarat sahaja dipanggil untuk ditemu duga. Urusan temu duga melibatkan tugas memproses, menyediakan jadual temu duga, mengenal pasti pusat temu duga, membuat tempahan pusat temu duga serta mengeluarkan surat panggilan temu duga. Di samping itu, Urus Setia juga akan menyediakan Kertas Suruhanjaya yang mengandungi perakuan oleh Lembaga Temu Duga bagi calon yang didapati sesuai.

Pelantikan Tetap

Sebaik sahaja perakuan Pelantikan Tetap diluluskan oleh Suruhanjaya, Urus Setia akan mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan Tetap kepada calon-calon yang telah diperakukan dan seterusnya mengeluarkan Surat Pengesahan Pelantikan Tetap apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Suruhanjaya bertanggungjawab di dalam urusan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) Gred DGA29, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27 dan PPP Kategori B1/B2 Gred DG17 Khas Untuk Penyandang (KUP). Pelantikan calon yang pernah meletak jawatan, calon sedang berkhidmat dengan agensi lain serta bekas tentera / polis juga diuruskan oleh Suruhanjaya.



Prestasi Temu Duga

Dalam Tahun 2006, seramai 29,178 orang calon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) telah ditemu duga. Daripada jumlah tersebut seramai 27,036 orang calon PPP telah diperaku. Maklumat terperinci mengenai calon yang ditemu duga, diperaku, tidak diperaku dan lain-lain keputusan adalah seperti dalam Jadual 1A, 1B, 1C dan 1D.

JADUAL 1A
BILANGAN KESELURUHAN CALON PPP YANG DITEMU DUGA (HADIR) DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 (PJJ)	1,124	244	307	1,675
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	12,233	1,891	3,198	17,322
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) Gred DGA29	6,558	2,253	1,361	10,172
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	3	3	3	9
JUMLAH BESAR	19,918	4,391	4,869	29,178

JADUAL 1B
BILANGAN CALON PPP YANG DIPERAKU UNTUK PELANTIKAN TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 (PJJ)	1,078	232	291	1,601
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	11,525	1,769	3,006	16,300
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) Gred DGA29	5,870	2,030	1,227	9,127
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	3	3	2	8
JUMLAH	18,476	4,034	4,526	27,036

JADUAL 1C
BILANGAN CALON PPP YANG TIDAK DIPERAKU UNTUK PELANTIKAN TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 (PJJ)	37	7	13	57
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	498	77	121	696
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA29	567	154	109	830
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	-	-	-	-
JUMLAH	1,102	238	243	1,583

JADUAL 1D
BILANGAN *LAIN-LAIN KEPUTUSAN TEMU DUGA


JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 (PJJ)	9	5	3	17
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	210	45	71	326
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA29	121	69	25	215
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	-	-	1	1
JUMLAH	340	119	100	559

*Lain-lain : Calon hadir tetapi tidak ditemu duga, calon hadir temu duga tetapi batal perakuan lantikan kerana memohon tidak mengikut saluran, sedang dikenakan tindakan tatatertib.



BAHAGIAN PENGAMBILAN
ANGGOTA KUMPULAN SOKONGAN (AKS)

CARTA 1
BILANGAN CALON PPP YANG DIPERAKU, TIDAK DIPERAKU DAN LAIN-LAIN KEPUTUSAN TEMU DUGA UNTUK
PELANTIKAN TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK





Pengenalan

Bahagian ini membantu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) melaksanakan urusan pengambilan ke jawatan tetap Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) bagi berkhidmat di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) serta agensi-agensi di bawah kedua-duanya. Urusan pengambilan ini dimulakan dengan pengeluaran iklan kekosongan jawatan dan diikuti dengan memproses setiap permohonan yang diterima bagi memastikan hanya calon-calon yang layak sahaja yang dipanggil temu duga. Hanya calon-calon yang memiliki prestasi cemerlang dalam temu duga diberi pertimbangan untuk pelantikan tetap.

Lembaga Permulaan

Lembaga Permulaan ditubuhkan untuk membuat penapisan terhadap calon yang telah mengemukakan permohonan untuk dilantik ke jawatan tetap AKS. Penapisan dijalankan mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa dengan mengambil kira jumlah permohonan berbanding kekosongan jawatan. Lembaga Permulaan ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Suruhanjaya dan dianggotai oleh Setiausaha Suruhanjaya dan Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengambilan AKS.

Lembaga Temu Duga

Urusan temu duga bagi calon untuk pelantikan ke jawatan tetap dijalankan oleh Lembaga Temu Duga. Lembaga Temu Duga ditubuhkan dari semasa ke semasa dengan dianggotai oleh seorang Ahli Suruhanjaya sebagai Pengerusi dan seorang pegawai Suruhanjaya sebagai Urus Setia. Biasanya di antara 15 hingga 17 Lembaga Temu Duga ditubuhkan. Setiap Lembaga Temu Duga menemu duga di antara 25 hingga 35 orang calon dalam sehari.

Pusat Temu Duga

Pusat temu duga diadakan di ibu pejabat Putrajaya serta cawangan SPP di Sabah dan Sarawak. Selain itu, pusat temu duga turut diadakan di setiap ibu negeri dan di beberapa bandar lain termasuk kawasan pedalaman tertentu.

Urusan Temu Duga

Urusan temu duga bagi setiap urusan pengambilan diadakan dalam tempoh tidak lebih daripada 9 bulan dari tarikh tutup iklan. Urusan temu duga melibatkan tugas memproses, menyediakan jadual temu duga, mengenal pasti pusat temu duga, membuat tempahan pusat temu duga serta mengeluarkan surat panggilan temu duga. Hanya calon yang cemerlang dalam temu duga akan diberi pertimbangan untuk pelantikan.

Pelantikan Tetap

Sebaik sahaja perakuan pelantikan diluluskan oleh Suruhanjaya, Urus Setia akan mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan Tetap kepada calon-calon yang telah diperakukan dan seterusnya mengeluarkan Surat Pengesahan Pelantikan setelah mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Prestasi Temu Duga

Di Semenanjung, seramai 3,425 calon AKS yang ditemu duga pada tahun 2005 telah dilantik tetap mengisi kekosongan jawatan di KPM dan KPTM sepanjang tahun 2006.




BAHAGIAN PERKHIDMATAN

JADUAL 1A
PRESTASI TEMU DUGA TAHUN 2006

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Calon AKS yang ditemu duga	2,665	132	108	2905
Calon AKS yang diperaku / Lulus temu duga	1,795	106	107	2008

CARTA 1
BILANGAN CALON AKS YANG DITEMU DUGA DAN DIPERAKU / LULUS TEMU DUGA UNTUK PELANTIKAN TETAP DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK





PERUTUSAN PENERUS



Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan perasaan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan inayahNya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) sekali lagi berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan SPP bagi tahun 2006. Penerbitan Laporan Tahunan seperti ini amat penting kerana ia berupaya untuk memberikan penjelasan dan kefahaman kepada agensi-agensi kerajaan yang lain dan juga masyarakat umum tentang hasrat, pandangan, idea, cita-cita, misi serta visi SPP dalam usaha menjadikan SPP sebuah jabatan yang berkualiti dan berjaya.

Sehubungan dengan itu, isi kandungan laporan ini boleh dijadikan sebagai satu sumber rujukan dan garis panduan yang berguna selain menjadi khazanah negara yang bermanfaat untuk generasi hari ini dan akan datang.

Berdasarkan penglibatan dan pengamatan saya di SPP, sepanjang tahun 2006 SPP telah dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dengan cekap dan berkesan. Kerjasama yang baik dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Suruhanjaya dan Urus Setia SPP dalam merancang dan melaksanakan fungsi SPP, telah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kualiti kerja di SPP.

Saya bagi pihak Ahli-ahli Suruhanjaya dan diri saya, turut ingin merakamkan penghargaan rasa terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam memberi kerjasama dan menyediakan kemudahan serta perkhidmatan bagi urusan temu duga dan lain-lain aktiviti Jabatan.

Sebagai penutup, sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha menerbitkan Laporan Tahunan SPP bagi tahun 2006 ini. Dengan terbitnya laporan ini, adalah menjadi harapan saya agar semua pihak dapat memegang rasa tanggungjawab untuk memanfaatkan segala maklumat yang ada di dalamnya dan sekaligus dapat meningkatkan prestasi dalam meningkatkan serta memartabatkan SPP sebagai sebuah Jabatan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian, terima kasih.

Y. BHG. TAN SRI DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
PENERUS
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN



Pengenalan

Bahagian ini bertanggungjawab untuk memproses semua perakuan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) serta Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) (bagi Negeri Selangor) dalam urusan perkhidmatan dengan menyediakan kertas Suruhanjaya untuk mendapat pertimbangan Suruhanjaya bagi urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Sementara, Pinjaman, Pelantikan dan Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak, Pelantikan Secara Sementara, Opsyen Pertukaran Pelantikan dan Penamatan Perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan.

Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pemberian Taraf Berpencen

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bertanggungjawab dan berkuasa untuk meluluskan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pemberian Taraf Berpencen seseorang anggota yang dilantik tetap ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) setelah memenuhi syarat-syarat pelantikan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [PU(A) 176 Tahun 2005] seperti berikut :

- (i) telah menjalani tempoh percubaan yang disyaratkan dalam perkhidmatannya antara 1 hingga 3 tahun di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang berkuatkuasa 1 November 2002;
- (ii) telah hadir dan lulus dengan jayanya Kursus Induksi serta semua peperiksaan yang disyaratkan dalam tempoh percubaannya;
- (iii) opsyen untuk memilih samada Skim Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2001; dan
- (iv) mendapat perakuan Ketua Jabatan.

Suruhanjaya boleh menimbang Pelanjutan Tempoh Percubaan bagi seseorang pegawai mengikut Peraturan 28, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, PU(A) 176 Tahun 2005 dan hanya diluluskan atas sebab-sebab yang munasabah dan berdasarkan perakuan Ketua Jabatan. Tujuan Pelanjutan Tempoh Percubaan ialah untuk memberi peluang dan masa tambahan kepada pegawai berkenaan supaya berusaha memenuhi syarat-syarat bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan (Suruhanjaya boleh dalam kes tertentu, memendekkan tempoh percubaan seseorang pegawai atau mengecualikannya daripada tempoh percubaan).


Suruhanjaya juga bertanggungjawab untuk memberi Taraf Berpencen di bawah Akta Pencen, 1992 (Pindaan) - Akta A823 dan Peraturan 36 PU(A) 176 Tahun 2005. Seseorang pegawai layak untuk diberi Taraf Berpencen setelah disahkan dalam perkhidmatan semasa dan genap 3 tahun perkhidmatan yang boleh diambilkira.

Dalam tahun 2006, Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan Pengesahan Dalam Perkhidmatan yang lengkap bagi 9,035 orang anggota seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2A** dan **Carta 2A** berikut :

JADUAL 2A
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	6,050	649	807	7,506
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	826	203	203	1,232
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	233	19	45	297
JUMLAH	7,109	871	1,055	9,035

CARTA 2A
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN




Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan secara serentak perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen yang lengkap bagi 184 orang anggota seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2C** dan **Carta 2C** berikut :

JADUAL 2C
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	67	10	3	80
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	12	3	1	16
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	50	7	31	88
JUMLAH	129	20	35	184

CARTA 2C
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN, PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN




Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan secara serentak perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan yang lengkap bagi 39 orang anggota seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2D** dan **Carta 2D** berikut :

JADUAL 2D
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN DAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	26	-	1	27
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	1	1	2	4
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	7	-	1	8
JUMLAH	34	1	4	39

CARTA 2D
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN DAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN




Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan Pelanjutan Tempoh Percubaan yang lengkap bagi 169 orang anggota seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2E** dan **Carta 2E** berikut :

JADUAL 2E
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	61	-	20	81
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	13	1	-	14
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	59	1	14	74
JUMLAH	133	2	34	169

CARTA 2E
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN




Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan Pemberian Taraf Berpencen yang lengkap bagi 7,943 orang anggota seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2F** dan **Carta 2F** berikut :

JADUAL 2F
PEMBERIAN TARAF BERPENECEN

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41	3,255	805	446	4,506
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasn Diploma (PPPLD) Gred DGA29 / Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27	1,668	659	233	2,560
Anggota Kumpulan Sokongan (AKS)	836	15	26	877
JUMLAH	5,759	1,479	705	7,943

CARTA 2F
PEMBERIAN TARAF BERPENECEN




Suruhanjaya telah menerima pemilihan opsyen sama ada Skim Pencen atau Skim KWSP yang lengkap daripada 20,764 orang anggota seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2G** dan **Carta 2G** berikut :

JADUAL 2G
OPSYEN SKIM PENCEN ATAU SKIM KWSP

JAWATAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
Skim Pencen	16,035	1,390	2,137	19,562
Skim KWSP	737	114	351	1,202
JUMLAH	16,772	1,504	2,488	20,764

CARTA 2G
OPSYEN SKIM PENCEN ATAU SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA





Pertukaran Sementara

Pertukaran Sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan lain yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama dalam tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dari perkhidmatan asalnya. Bagi urusan pertukaran sementara, sebanyak 122 perakuan telah diterima dan diluluskan dalam tahun 2006.

Pinjaman

Pinjaman pula bermaksud penempatan perkhidmatan seseorang pegawai ke suatu skim perkhidmatan yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai dengan perkhidmatan asalnya. Pinjaman boleh diuruskan kepada agensi awam, swasta atau agensi antarabangsa. Pegawai akan ditawarkan syarat pinjaman yang mana secara keseluruhannya tidak kurang baiknya dari syarat perkhidmatannya di jawatan asal. Pinjaman boleh dilaksanakan setelah ada persetujuan antara agensi pembekal, agensi peminjam dan pegawai berkenaan. Bagi urusan pinjaman, sebanyak 53 perakuan telah diterima dan diluluskan dalam tahun 2006.

Pelantikan Secara Kontrak / Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak

Pelantikan Secara Kontrak / Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak bermaksud lantikan seseorang ke satu jawatan yang dibuat mengikut syarat kontrak yang dipersetujui antara Pihak Berkuasa Melantik dan pegawai. Pelantikan boleh secara sandaran atau mengisi jawatan sedia ada dari kalangan pesara samada awam atau bekas tentera / polis, bukan warganegara atau pegawai yang tidak memenuhi syarat skim perkhidmatan tetapi perkhidmatan mereka diperlukan oleh kerajaan. Pelantikan secara kontrak dibuat dengan syarat-syarat perkhidmatan khas untuk sesuatu tempoh tertentu. Suruhanjaya telah menerima dan meluluskan perakuan pelantikan secara kontrak / pembaharuan pelantikan secara kontrak bagi 12 orang pegawai dalam tahun 2006.

Opsyen Pertukaran Pelantikan

Dalam tahun 2006, Suruhanjaya telah menawarkan opsiyen pertukaran pelantikan kepada 393 orang PPP dan 107 orang AKS Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) bagi Negeri Selangor dan Melaka hasil daripada keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Selain itu, Suruhanjaya juga telah meluluskan dan menawarkan opsiyen pertukaran pelantikan kepada 2 orang anggotanya dari jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 kepada Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17 dalam tahun 2006.

Penamatan Perkhidmatan

Perkhidmatan seseorang pegawai boleh ditamatkan dalam keadaan berikut :

- (i) menyembunyikan maklumat kesihatan dalam laporan perubatan; atau
- (ii) membuat akuan sumpah palsu; atau
- (iii) gagal disahkan kerana tidak diperakukan oleh ketua jabatan atau gagal / tidak hadir dalam Kursus Induksi / peperiksaan perkhidmatan yang disyaratkan.

Sebagai Pihak Berkuasa Melantik, Suruhanjaya telah mengeluarkan cadangan penamatan perkhidmatan melibatkan 14 orang anggota. Dari jumlah tersebut seramai 5 orang anggota telah ditamatkan perkhidmatan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2006. Bagi tujuan penambahbaikan pelaksanaan urusan ini, bermula dari tahun 2006 sebanyak 3 lawatan naziran telah diadakan sebelum sesuatu keputusan menamatkan perkhidmatan anggota dibuat oleh Suruhanjaya.



Naziran Di Bawah Penurunan Kuasa

Dari masa ke semasa Suruhanjaya menurunkan kuasa kepada kementerian dan jabatan bagi melaksanakan urusan pengambilan dan perkhidmatan anggota dalam kategori tertentu. Bagi memastikan penurunan kuasa yang diberi di bawah surat penurunan kuasa yang berkenaan dilaksanakan dengan teratur, sebanyak 16 lawatan naziran telah dilaksanakan meliputi 14 JPN termasuk KPM dan KPTM.

Sesi Penerangan

Dalam tahun 2006, Suruhanjaya telah mengeluarkan 2 Surat Pekeliling Perkhidmatan untuk lebih memperjelaskan kaedah pelaksanaan urusan perkhidmatan kepada Anggota Perkhidmatan Pendidikan iaitu Surat Pekeliling Perkhidmatan Pendidikan SPP Bil. 1 Tahun 2006 "Kaedah Penetapan Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan" dan Surat Pekeliling Perkhidmatan SPP Bil. 2 Tahun 2006 "Kaedah Pelanjutan Tempoh Percubaan". Rentetan daripada itu, 26 siri sesi penerangan telah diadakan di seluruh negara. Selain itu Suruhanjaya juga terlibat dalam memberi taklimat urusan perkhidmatan sebanyak 4 kali di luar SPP atas jemputan dan 2 kali dalam sesi Hari Bertemu Pelanggan.

Pencapaian Keseluruhan

Pencapaian urusan perkhidmatan secara keseluruhan bagi tahun 2006 adalah seperti **Jadual 2H** berikut :

JADUAL 2H
PENCAPAIAN KESELURUHAN URUSAN PERKHIDMATAN

AKTIVITI	JUMLAH
Pengesahan Dalam Perkhidmatan	9,035
Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Pencen	19,786
Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen	184
Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan	39
Pelanjutan Tempoh Percubaan	169
Pemberian Taraf Berpencen	7,943
Opsyen Skim Pencen atau Skim KWSP	20,764
Jumlah kecil	57,920

AKTIVITI	JUMLAH
Pertukaran Sementara	122
Pinjaman	53
Pelantikan Secara Kontrak / Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak	12
Opsyen Pertukaran Pelantikan	502
Penamatan Perkhidmatan	5
Naziran Di Bawah Penurunan Kuasa	16
Sesi Penerangan	32
Jumlah kecil	742
JUMLAH BESAR	58,662



SEKAPUR SIRIH



6

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, maka Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi tahun 2006 telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Mengimbas sepanjang tahun 2006, pelbagai aktiviti dan penambahbaikan telah dilaksanakan di SPP.

Penambahbaikan di SPP adalah bertujuan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan dan pentadbiran di SPP. Penambahbaikan ini meliputi penambahbaikan dari segi carta organisasi dan prasarana yang terdapat di SPP. Sebelum ini SPP terdiri daripada hanya 4 bahagian utama iaitu Bahagian Khidmat Sokongan, Bahagian Pengambilan, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib. Bagaimanapun, bahagian-bahagian utama SPP kini telah berkembang kepada 6 bahagian di mana Bahagian Khidmat Sokongan telah dirombak kepada 2 bahagian lain iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM) dan Bahagian Teknologi Maklumat. Begitu juga di Bahagian Pengambilan, ia dipecahkan kepada 2 bahagian utama iaitu Bahagian Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Bahagian Pengambilan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS). Perubahan ini dapat memberi pengkhususan dalam bidang tugas seterusnya mampu melancarkan urusan pentadbiran dan perkhidmatan di SPP.

Dalam tahun 2006 ini juga, SPP telah menerima pertambahan Ahli Suruhanjaya baru seramai 7 orang yang menjadikan jumlah kesemua Ahli Suruhanjaya terkini sehingga Disember 2006 adalah seramai 21 orang. Pelbagai aktiviti juga telah dilaksanakan oleh SPP sepanjang tahun 2006 ini. Antaranya, Persidangan Perkhidmatan Pendidikan, Hari Keluarga, Majlis Berbuka Puasa, Majlis Jamuan Hari Raya dan sebagainya.

Di sini saya mengambil peluang untuk melahirkan rasa gembira dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas perkembangan dan kejayaan SPP setakat ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama semua peringkat warga SPP yang telah bersama-sama menjayakan semua program dan aktiviti SPP. Semoga kejayaan yang dikecapi kita sehingga tahun 2006 ini akan diurus dengan sewajarnya dan dipertingkatkan dengan jayanya lagi pada tahun 2007.

Akhir kata, saya berharap semoga laporan ini akan dapat dijadikan sebagai satu garis panduan terhadap perkembangan SPP sepanjang tahun 2006 dan dapat memberi satu panduan untuk bekerja lebih keras lagi untuk kejayaan SPP sekaligus dapat merealisasikan objektif, fungsi, visi dan misi Jabatan ini. InsyaAllah.

Sekian.

Y. BHG. DATO' NOORAISHAH BINTI AHMAD TAJUDIN
SETIAUSAHA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

7



“ Tegas dan Berdisiplin ”



BAHAGIAN NAIK
PANGKAT DAN TATATERTIB



Pengenalan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bertanggungjawab meneliti dan menimbang kes-kes rayuan kenaikan pangkat dan tindakan tatatertib ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS). Suruhanjaya turut menimbang rayuan tindakan tatatertib daripada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) yang terlibat.

Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat

Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran 1974 [P.U.(A)89], menetapkan bahawa urusan kenaikan pangkat PPP diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan. Bagi urusan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, KPM, SPP adalah badan tunggal untuk perkara tersebut.

Urusan Kenaikan Pangkat dan Rayuannya

Dalam Tahun 2006, Suruhanjaya telah menerima perakuan dan meluluskan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, KPM. Selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat, Suruhanjaya tidak menerima sebarang rayuan. Keputusan urusan kenaikan pangkat adalah seperti **Jadual 3A** berikut :

JADUAL 3A
URUSAN KENAIKAN PANGKAT YANG DISELESAIKAN

URUSAN	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS)	JUMLAH
Urusan Kenaikan Pangkat	1	1

Tindakan Tatatertib

Suruhanjaya bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib untuk menerima, menimbang dan memutuskan tindakan tatatertib ke atas PPPS. Semua keputusan bagi kes tatatertib yang telah diputuskan oleh Suruhanjaya adalah muktamad.

Dalam tahun 2006, sebanyak 51 perakuan tatatertib telah diterima oleh Urus Setia SPP. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 kes tatatertib telah dapat diselesaikan seperti di **Jadual 3B** berikut :



JADUAL 3B
KES TINDAKAN TATATERTIB YANG DISELESAIKAN

KATEGORI KESALAHAN	JUMLAH
Sabitkan Mahkamah	10
Tidak Hadir Bertugas	7
Tata kelakuan lain	9
JUMLAH	26

Daripada 26 kes yang telah diselesaikan, bentuk hukuman tatatertib yang dikenakan adalah seperti di **Jadual 3C** berikut :

JADUAL 3C
HUKUMAN TINDAKAN TATATERTIB

BIL.	JENIS HUKUMAN	JENIS KESALAHAN	JUMLAH
1.	Buang Kerja	• Tidak Hadir Bertugas	2
		• Jenayah	1
		• Warta	2
2.	Buang Kerja dan Lucuthak Emolumen	• Tidak Hadir Bertugas	2
3.	Turun Pangkat	• Jenayah	1
4.	Turun Gaji dan Amaran	• Khalwat	3
JUMLAH			11

Baki 15 kes tidak dijatuhkan hukuman tatatertib atas alasan :

- (i) 3 kes pegawai dibebaskan daripada tindakan tatatertib;
- (ii) 7 kes, Pengerusi mendapati tidak wujud kes *prima facie*; dan
- (iii) 5 kes pegawai dibebaskan oleh mahkamah.

Rayuan Tatatertib

SPP adalah juga bertindak sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib. PPP dan AKS dalam Perkhidmatan Pendidikan yang telah dikenakan hukuman tatatertib oleh mana-mana Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pelajaran boleh mengemukakan rayuannya kepada Suruhanjaya untuk dipertimbangkan semula hukuman yang telah diterimanya. Selaku Lembaga Rayuan, Suruhanjaya telah menerima sebanyak 97 perakuan rayuan tatatertib untuk disemak semula. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 69 kes telah diputuskan oleh Suruhanjaya dengan keputusan seperti di **Jadual 3D** berikut :

JADUAL 3D
KEPUTUSAN KES RAYUAN TATATERTIB YANG DISELESAIKAN

BIL.	KEPUTUSAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS)	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN SISWAZAH (PPPS) / PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)	ANGGOTA KUMPULAN SOKONGAN (AKS)	JUMLAH
1.	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula	-	-	-	-
2.	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib	1	25	28	54
3.	Mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salah laku perayu, tetapi mengubah hukuman itu kepada hukuman yang lebih ringan	1	7	1	9
4.	Mengakas keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan membebaskan perayu	1	3	2	6
JUMLAH BESAR		3	35	31	69

Rumusan

Secara keseluruhannya, Urusan Naik Pangkat dan Tatatertib yang diselesaikan adalah seperti **Jadual 3E** berikut :

JADUAL 3E
URUSAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB YANG DISELESAIKAN

URUSAN	KES-KES YANG DISELESAIKAN			JUMLAH
	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS)	PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN SISWAZAH (PPPBS) / PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)	ANGGOTA KUMPULAN SOKONGAN (AKS)	
Kenaikan Pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	1	-	-	1
Rayuan Kenaikan Pangkat	-	-	-	-
Tindakan Tatatertib	26	-	-	26
Rayuan Tindakan Tatatertib	3	35	31	69
JUMLAH BESAR	30	35	31	96



“Mesra Pelanggan”



BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA



Pengenalan

Bahagian ini memberikan khidmat sokongan dan logistik kepada Ahli-ahli Suruhanjaya dan anggota-anggota Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) di ibu pejabat, SPP Cawangan Sabah dan SPP Cawangan Sarawak.

Di antara lain, ianya memproses dan menguruskan pembayaran gaji, elaun dan lain-lain tuntutan oleh Ahli-ahli Suruhanjaya dan anggota-anggota kerja SPP. Pada keseluruhannya, Bahagian ini menjalankan fungsi pengurusan kakitangan dan kewangan bagi seluruh Suruhanjaya.

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan 3 mesyuarat utama Suruhanjaya iaitu Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ), Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib yang lazimnya diadakan 2 minggu sekali. Urusan ini melibatkan penyediaan kertas mesyuarat dan persiapan lain sebelum, semasa dan selepas mesyuarat. Di peringkat pengurusan, Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Post-MSJ, Mesyuarat Bersama Jabatan, Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Jabatan dan lain-lain.

Peranan dan Fungsi

Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan program sokongan Jabatan seperti Pengurusan Sumber Manusia dan Latihan, Pengurusan Kewangan dan Perolehan, Pengurusan Pentadbiran Am dan Kualiti serta Pengurusan Keurusetiaan dan Perhubungan Awam. Selaras dengan tanggungjawab ini, bahagian ini telah pun dibahagikan kepada 4 unit utama bagi memastikan tanggungjawab bahagian ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Objektif

Objektif utama bahagian ini memastikan segala keperluan Suruhanjaya dari sudut sumber manusia, kewangan dan juga pentadbiran am dipenuhi bagi membolehkan Suruhanjaya melaksanakan fungsinya dengan berkesan. Bagi mencapai objektif ini adalah penting bagi Bahagian ini mewujudkan sumber tenaga manusia terlatih, merapatkan budaya kerja berasaskan kualiti yang tersusun dan mendapatkan peruntukan kewangan yang bersesuaian.

Program / Aktiviti

Sepanjang tahun 2006, Bahagian ini telah menjadi Urus Setia kepada pelbagai program Suruhanjaya seperti berikut :

(i) **Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ), Lembaga Rayuan Tatatertib, Lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat.**

Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ) telah berdialog sebanyak 24 kali, manakala mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib telah bersidang sebanyak 23 kali. Di samping kedua-dua mesyuarat ini, mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat turut bersidang iaitu sebanyak sekali. Walau bagaimanapun, mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat tidak bersidang dalam tahun 2006 kerana Suruhanjaya tidak menerima sebarang permohonan rayuan kenaikan pangkat.

(ii) **Lawatan Kerja**

Lawatan kerja Suruhanjaya ke agensi ataupun institusi pendidikan di seluruh negara telah dijadikan agenda tetap dalam kalendar program Suruhanjaya. Objektif utama lawatan kerja ini diadakan adalah untuk memantau keberkesanan pelaksanaan fungsi Suruhanjaya khasnya dalam urusan pelantikan dan juga perkhidmatan. Di samping itu, lawatan kerja ini juga dijangka dapat mengeratkan hubungan sillaturrahim dan kesefahaman di antara Suruhanjaya dan agensi-agensi berkaitan. Di antara agensi dan institusi yang telah dilawati ialah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan, JPN



Pulau Pinang, JPN Sabah dan JPN Johor. Sempena lawatan kerja ini, Suruhanjaya turut memberi taklimat *overview* mengenai fungsi dan hubungkait di antara SPP dan agensi serta institusi latihan.

(iii) Lawatan Luar

Di samping mengadakan lawatan kerja di luar ibu pejabat, Suruhanjaya turut menerima lawatan daripada agensi luar. Pada tahun 2006, Suruhanjaya telah menerima lawatan daripada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Kemaman, Terengganu. Walaupun banyak permintaan lawatan yang diterima Suruhanjaya, permintaan lawatan terpaksa ditolak berikutan kerja-kerja pengubahsuaian ibu pejabat SPP yang belum siap sepenuhnya pada ketika itu.

(iv) Hari Bertemu Pelanggan

Suruhanjaya juga telah menganjurkan program Hari Bertemu Pelanggan pada setiap bulan. Secara keseluruhannya, Hari Bertemu Pelanggan telah dianjurkan sebanyak 12 kali iaitu 10 kali diadakan di ibu pejabat, manakala sebanyak dua (2) kali diadakan di luar ibu pejabat iaitu di PPD Kluang, Johor bagi bulan September dan di Hotel Crown Plaza, Riverside, Kuching, Sarawak pada bulan November.

(v) Persidangan Perkhidmatan Pendidikan

Pada 12 September 2006, Suruhanjaya julung-julung kalinya telah menganjurkan 'Persidangan Perkhidmatan Pendidikan' sejak 32 tahun penubuhan SPP. Persidangan dengan tema 'Ke Arah Memperkasa Perkhidmatan Pendidikan' ini telah diadakan di Hotel Equatorial, Melaka dengan objektif untuk mengupas isu dan masalah yang dihadapi dalam perkhidmatan pendidikan. Program yang berlangsung selama 2 hari itu telah pun dihadiri oleh hampir 300 orang warga pendidik dari pelbagai agensi seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), JPN, Universiti, Institusi Pendidikan Guru, Politeknik, Kolej Universiti dan juga sekolah. Sebanyak 6 kertas kerja berkaitan isu perkhidmatan pendidikan telah dibentangkan di dalam persidangan ini.

(vi) Mesyuarat Perhubungan Dengan KPM dan KPTM

Selaras dengan strategi meningkatkan jalinan kerjasama dengan KPM dan KPTM, mesyuarat perhubungan antara SPP dengan KPM dan KPTM telah diadakan sebanyak 3 kali. Mesyuarat ini merupakan *platform* terpenting bagi ketiga-tiga agensi untuk membincang isu-isu pokok berkaitan urusan pelantikan dan perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS).

(vii) Program Latihan

Sebagai sebuah bahagian yang dipertanggungjawab untuk mewujudkan sumber tenaga kerja yang cekap dan terlatih, maka pelbagai bentuk program latihan telah diberikan kepada kakitangan SPP. Semua kakitangan turut diwajibkan untuk menghadiri sebarang bentuk program latihan sekurang-kurangnya 7 hari seperti yang ditetapkan oleh dasar latihan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Program latihan yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2006 adalah seperti berikut :

- ▶ Kursus Pengurusan Temu Duga di Swiss Garden Resort & Spa, Lumut, Perak pada 11 hingga 14 Januari 2006;
- ▶ Bengkel Ke Arah Pemandu Berkualiti di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor pada 7 hingga 8 Mac 2006;
- ▶ Kursus Motivasi Kumpulan Sokongan di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 18 hingga 20 April 2006;
- ▶ Kursus Ke Arah Pembangunan Profesional Untuk Setiausaha di Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 16 hingga 17 Mei 2006;
- ▶ Kursus Protokol dan Etiket Sosial dan Kursus Pelaporan di Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 5 hingga 6 Julai 2006;

- ▶ Kursus Teknik Pengendalian Telefon dan Kaunter di Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang, Sepang, Selangor pada 28 hingga 30 Ogos 2006.

(viii) Usaha-usaha Penambahbaikan Perkhidmatan

Selain daripada melaksanakan program sokongan Jabatan, bahagian ini turut memberi fokus kepada usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan Bahagian ini. Di antara program penambahbaikan yang telah dilaksanakan pada tahun 2006 ialah seperti berikut :

▶ **Program Kerja Bahagian**

Program kerja Bahagian ini telah pun diadakan pada 4 Ogos hingga 6 Ogos 2006 di Pulau Langkawi, Kedah. Program kerja ini amat penting untuk memupuk semangat *esprit de corps* di kalangan kakitangan Bahagian ini yang mempunyai jumlah kakitangan terbesar di SPP iaitu seramai 65 orang. Program ini dijangka dapat meningkatkan persefahaman di antara unit-unit di bawah Bahagian ini yang secara tidak langsung akan menghasilkan perkhidmatan yang lebih cepat dan berkesan.

▶ **Projek Ubahsuai Ibu Pejabat SPP**

SPP telah diluluskan sebanyak 82 jawatan baru melalui waran perjawatan Bil. S149 Tahun 2004 berkuatkuasa 1 Oktober 2004. Berikutan pertambahan jawatan ini, ruang bekerja sedia ada tidak lagi sesuai dan satu projek ubahsuai ibu pejabat bernilai RM1.8 juta telah dilaksanakan pada tahun 2006. Di bawah projek ubahsuai ini, ruang bekerja sedia ada telah disusun semula bersesuaian dengan pertambahan jawatan dan juga penubuhan 2 bahagian baru iaitu Bahagian Teknologi Maklumat dan juga Bahagian Pengambilan AKS. Projek ubahsuai telah memberi faedah yang besar kepada kakitangan SPP kerana mereka dapat bekerja di dalam keadaan yang lebih selesa dan kondusif.

▶ **Projek Sistem Carian Fail (SCaF)**

Bahagian ini turut dipertanggungjawabkan untuk menyimpan hampir 350,000 fail PPP dan juga AKS di dalam skim perkhidmatan pendidikan. Sistem penyimpanan fail berdasarkan nombor kad pengenalan yang diamalkan telah menimbulkan pelbagai kesulitan sehingga menyebabkan fail sukar dikesan. Ini secara tidak langsung telah menjejaskan urusan pengesahan pelantikan dan juga pemberian taraf berpcencen kepada PPP dan juga AKS. Projek SCaF telah dilaksanakan pada bulan Jun 2006 dan hasilnya, proses pengesanan fail menjadi lebih mudah dan teratur. Sistem ini turut membolehkan pengerakan fail direkodkan secara automasi. Projek ini menelan belanja hampir sebanyak RM800,000.

Kewangan

Pada tahun 2006, SPP telah diperuntukkan sebanyak RM18,060,000.00 bagi perbelanjaan mengurus Tanggungan iaitu T.10 dan juga Bekalan iaitu B.40. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah RM17,579,211.65 yang bersamaan 97.33 peratus (%). Maklumat lanjut mengenai kedua-dua peruntukan ini adalah seperti berikut :

▶ **Tanggungan 10 (T.10)**

Peruntukan di bawah perbelanjaan mengurus bagi Maksud T.10 ialah sebanyak RM4,505,000. Perbelanjaan seperti yang direkodkan di dalam Akaun Awam Tahun 2006 adalah sebanyak RM4,358,732.10 atau bersamaan 96.74 peratus (%). Pembahagian tanggungan yang diluluskan adalah bagi maksud membiayai bayaran gaji Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, elaun-elaun tetap bulanan, tuntutan perjalanan dan ganjaran Ahli Suruhanjaya.

► Bekalan 40 (B.40)

Peruntukan asal di bawah perbelanjaan mengurus bagi Maksud B.40 adalah sebanyak RM11,555,000.00. Walau bagaimanapun, dalam tahun yang sama, SPP telah diluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM2,000,000.00 menjadikan keseluruhan peruntukan perbelanjaan mengurus bagi Maksud Bekalan B.40 sebanyak RM13,555,000.00. Peruntukan tambahan yang diluluskan adalah bagi maksud membiayai projek ubahsuai ibu pejabat SPP dan juga projek SCaF. Jumlah perbelanjaan yang direkod di dalam Akaun Awam Tahun 2006 adalah sebanyak RM13,220,479.55 atau bersamaan 97.53 peratus (%).

CARTA PERUNTUKAN KEWANGAN TAHUN 2006



CARTA PERBELANJAAN KEWANGAN TAHUN 2006





“ Bertanggungjawab dan Beriltizam ”



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengenalan

Laporan Tahunan ini disediakan selaras dengan peruntukan Suruhanjaya di bawah kepada peruntukan di bawah Perkara 146(1) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mengemukakan laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinan laporan ini dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Penubuhan dan Keanggotaan SPP

SPP telah ditubuhkan mengikut Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan pada 1 Januari 1974. SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 24 orang Ahli.

Fungsi-Fungsi SPP

Di bawah Perkara 144A(1) Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya adalah berkuasa terhadap Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan, Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam Perkhidmatan Pendidikan. Bagi melaksanakan kuasanya itu, Suruhanjaya lazimnya bermesyuarat sekali setiap 2 minggu untuk membincangkan dan membuat keputusan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan tersebut. Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat juga diadakan serentak selepas Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ).

Agensi SPP

SPP adalah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya,

Ahli-ahli Suruhanjaya disediakan kemudahan dan perkhidmatan oleh pihak pengurusan SPP yang diketuai oleh seorang Setiausaha yang merupakan Ketua Jabatan dan Pegawai Pengawal peruntukan agensi.

Urusan Pengambilan PPP

Bagi urusan pengambilan PPP, seramai 29,178 orang calon telah dipanggil temu duga dan seramai 27,036 orang calon telah diperaku (termasuk peraku bermasalah dan peraku bersyarat) manakala seramai 1,583 orang calon tidak diperakukan. Bilangan urusan temu duga bagi lain-lain keputusan (calon hadir tetapi tidak ditemu duga, calon hadir temu duga tetapi batal perakuan dan sebagainya) pula adalah seramai 559 orang.

Urusan Pengambilan AKS

Bagi urusan pengambilan AKS, seramai 2,905 orang calon telah dipanggil untuk temu duga dan seramai 2,008 telah diperakukan untuk pelantikan tetap. Di Semenanjung, seramai 2,665 calon telah ditawarkan pelantikan setelah menerima permohonan pengisian jawatan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan 1,795 orang calon daripada jumlah tersebut bersetuju menerima tawaran pelantikan. Calon-calun yang ditawarkan pelantikan tersebut walau bagaimanapun merupakan calon simpanan yang telah ditemu duga pada tahun 2005 dan tawaran pelantikan dibuat setelah menerima kekosongan jawatan tambahan daripada KPM untuk pengisian. Di Sabah dan Sarawak pula, seramai 132 dan 108 orang calon masing-masing telah ditemu duga setelah menerima permohonan pengisian jawatan daripada KPM. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 106 dan 107 orang calon masing-masing telah diperakukan. Bagi temu duga AKS tahun 2006, calon ditemu duga pada bulan Disember dan tawaran pelantikan dibuat pada Januari 2007. Manakala di Sabah dan Sarawak pula, lantikan AKS dibuat pada tahun 2006 bagi mengisi kekosongan jawatan tahun 2005.



Pengenalan

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) mula diwujudkan di Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dalam tahun 2006 dan bertanggungjawab dalam membantu SPP dalam menyediakan dan menyokong prasarana teknologi maklumat serta merekabentuk sistem-sistem aplikasi bagi menyokong fungsi-fungsi operasi dan pengurusan SPP. Matlamat BTM adalah untuk menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat yang cekap dan berkesan kepada SPP.

Fungsi

- ▶ Menyedia dan menyokong prasarana teknologi maklumat SPP. Ini termasuk memastikan sistem-sistem aplikasi yang telah dibangunkan, perisian dan perkakasan sistem serta rangkaian beroperasi dengan baik;
- ▶ Mengkaji dan mencadangkan tatacara sistem dengan kerjasama dari setiap bahagian untuk meningkatkan kecekapan pelbagai fungsi di SPP melalui penggunaan komputer;
- ▶ Membangunkan sistem-sistem aplikasi berdasarkan spesifikasi yang telah dipersetujui melalui aktiviti-aktiviti menganalisa sistem, merekabentuk sistem, membangunkan sistem (termasuk pemrograman dan ujian), melaksanakan sistem berkenaan, mengeluarkan Dokumentasi Sistem & Manual Pengguna serta melaksanakan latihan mengenai cara penggunaan sistem yang baru dibangunkan; dan
- ▶ Memastikan semua sistem aplikasi yang telah dibangunkan, samada di *server* ataupun mikrokomputer, berjalan dengan baik dan membuat pindaan ke atas sistem-sistem berkenaan mengikut keperluan semasa.

Aktiviti-aktiviti

Aktiviti-aktiviti bahagian dibahagikan mengikut unit seperti di bawah :

(a) Aktiviti Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem :

- ▶ membangunkan sistem-sistem aplikasi SPP;
- ▶ menyelenggara sistem-sistem aplikasi yang sedia ada;
- ▶ memastikan sistem *input* dan proses kemasukan data dapat dilaksanakan dengan betul dan tepat;
- ▶ memastikan semua *output* dari sistem aplikasi dikeluarkan dengan betul;
- ▶ mengeluarkan maklumat perangkaan dari Pangkalan Data SPP atas permintaan pihak pengurusan SPP dan juga agensi-agensi lain;
- ▶ membangun dan menyelenggara laman web dan Intranet SPP; dan
- ▶ memberi bantuan teknikal dan latihan penggunaan sistem.

(b) Aktiviti Unit Operasi, Rangkaian dan Keselamatan :

- ▶ melaksanakan tugas pentadbir pangkalan data *Oracle / Access / MySQL* atau *Database Administrator (DBA)*;
- ▶ memastikan keselamatan sistem komputer, pangkalan data dan sistem-sistem aplikasi sentiasa terjamin;
- ▶ memastikan sistem rangkaian komputer SPP di ibu pejabat, SPP Cawangan Sabah dan SPP Cawangan Sarawak sentiasa dalam keadaan baik;
- ▶ memastikan semua peralatan komputer (*server*, mikrokomputer, pencetak, *notebook*) serta peralatan rangkaian sentiasa dalam keadaan baik dari segi perkakasan dan perisian sistem;
- ▶ menyelenggara *inventori* peralatan komputer dengan baik;
- ▶ menerima sebarang aduan masalah yang dihadapi oleh pengguna berkaitan dengan peralatan komputer dan sistem-sistem aplikasi; dan
- ▶ memberi khidmat bantuan teknikal (Perkakasan, Perisian dan Rangkaian).



Usaha-usaha Penambahbaikan Perkhidmatan

Usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan yang dijalankan pada tahun 2006 bagi memantapkan kecekapan operasi pengurusan SPP adalah seperti berikut :

- (i) pembangunan aplikasi Sistem Maklumat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (SMPPP) dan Sistem Maklumat Anggota Kumpulan Sokongan (SMAKS);
- (ii) **pembangunan Sistem Carian Fail (SCaF)** - Sistem ini dibangunkan untuk menyimpan maklumat fail-fail PPP dan AKS secara sistematik bagi memudahkan pencarian fail-fail tersebut;
- (iii) **pembangunan Sistem E-MSJ** - Sistem ini dibangunkan untuk mengumpulkan minit Suruhanjaya ke dalam satu pangkalan data supaya mudah untuk membuat rujukan dari masa ke semasa;
- (iv) **pembangunan Sistem Pendaftaran Surat** - Sistem ini dibangunkan bagi mengelakkan kelewatan penghantaran surat dari bahagian ke bahagian kerana proses kerja yang remeh;
- (v) membina Pusat Data bagi menempatkan semua *server* di SPP;
- (vi) meningkatkan infrastruktur dan keselamatan rangkaian; dan
- (vii) mengadakan taklimat dan latihan.



Pengenalan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Cawangan Sabah telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Oktober 1977. Urus Setia ini adalah salah satu cawangan di bawah SPP yang membantu Suruhanjaya melaksanakan semua aktiviti-aktiviti di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi mengendalikan urusan-urusan berhubung dengan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen ke atas semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam perkhidmatan pendidikan di Sabah. Bagi Urusan Kenaikan Pangkat dan Tindakan Tatatertib, ianya dikendalikan secara terus oleh Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib SPP ibu pejabat di Putrajaya.

Objektif

Mengendalikan semua urusan pengambilan dan urusan perkhidmatan bagi semua PPP dan AKS dalam perkhidmatan pendidikan di Sabah, di samping memberi khidmat sokongan pentadbiran kepada warga SPP Cawangan Sabah dengan memastikan pelaksanaan pengurusan yang cekap, teratur dan berkesan.

Fungsi

SPP Cawangan Sabah adalah salah satu cawangan SPP yang beribu pejabat di Putrajaya di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Cawangan ini diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Pentadbir (Gred M48), dibantu oleh seorang Pegawai Pentadbir (Gred M44), 2 orang Pegawai Pentadbir (Gred M41), 2 orang Penolong Pegawai Pentadbir (Gred N32 dan N27), seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F29), seorang Pembantu Tadbir Kanan (Gred N22), seorang Pembantu Tadbir Kesetiausahaan (Gred N17) dan 17 anggota kumpulan sokongan yang lain (Gred N17-N1 dan R3). Cawangan ini melaksanakan fungsi dan tugas-tugas berkaitan urusan pengambilan dan urusan perkhidmatan PPP dan AKS dalam perkhidmatan pendidikan di Sabah, di samping memberi khidmat sokongan pentadbiran kepada semua warga SPP Cawangan Sabah. SPP Cawangan Sabah terbahagi kepada 4 unit seperti berikut :

Unit Pengambilan

► Fungsi

- (a) Unit ini bertanggungjawab melaksanakan urusan pengambilan untuk pelantikan tetap bagi jawatan PPP dan AKS di bawah perkhidmatan pendidikan di Sabah. Unit ini akan mempelawa calon-calon berkelayakan penuh untuk mengemukakan permohonan bagi dilantik ke jawatan berkenaan. Semua permohonan yang diterima akan diproses bagi mengenalpasti calon-calon berkelayakan untuk dipanggil temu duga. Urusan temu duga melibatkan tugas memproses, menyediakan jadual temu duga, mengenalpasti pusat temu duga, membuat tempahan pusat temu duga serta mengeluarkan surat panggilan temu duga. Calon-calon yang berjaya dalam temu duga akan diperakukan kepada Suruhanjaya untuk pertimbangan bagi lantikan ke jawatan tetap. Sebaik sahaja perakuan tetap itu diluluskan oleh Suruhanjaya, Unit ini akan mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan tetap kepada calon-calon yang telah diperakukan dan seterusnya mengeluarkan Surat Pengesahan Pelantikan serta mengeluarkan Surat Pemberitahuan Pelantikan Tetap apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
- (b) Unit ini juga bertanggungjawab menyediakan kertas perakuan pelantikan tetap ke jawatan PPP Bukan Siswazah Gred DG27 tanpa temu duga dari kalangan kategori B1/B2 Gred DG8 (Khas Untuk Penyandang / KUP). Pegawai-pegawai berkenaan akan ditawarkan pelantikan tetap sebaik sahaja diluluskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ).

Unit Perkhidmatan

Unit ini bertanggungjawab untuk memproses semua perakuan urusan perkhidmatan PPP dan AKS di Sabah dengan menyediakan kertas Suruhanjaya untuk mendapat pertimbangan Suruhanjaya terutamanya bagi urusan-urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Pelantikan Kontrak dan Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak (bagi guru-guru lantikan MUIS Sabah), Pertukaran Perkhidmatan dan Penamatan Perkhidmatan.



Unit Teknologi Maklumat

Unit ini bertanggungjawab membantu melaksanakan pembangunan sistem mengikut rekabentuk yang telah disediakan, menjalankan pengujian sistem bagi memastikan sistem benar-benar memenuhi keperluan, menguruskan, memantau, mengawal selia, merekod dan menyelenggara semua peralatan / perkakasan komputer, sistem dan talian rangkaian pejabat, menguruskan, memantau dan menyelenggara sistem serta memberi khidmat sokongan / bantuan teknologi maklumat di SPP Cawangan Sabah.

Unit Pentadbiran Dan Kewangan

Unit ini bertanggungjawab dalam hal ehwal urusan pentadbiran, pengurusan kakitangan dan kewangan, termasuk memberikan khidmat sokongan dan logistik di pejabat SPP Cawangan Sabah khususnya dan warga SPP amnya.

Aktiviti

► Urusan Pengambilan

- Dalam Tahun 2006, SPP Cawangan Sabah telah melaksanakan urusan temu duga PPP di Sabah sebanyak 5 kali. Seramai 4,391 orang calon telah hadir temu duga dan seramai 4,034 orang calon telah diperakukan untuk pelantikan tetap. Manakala seramai 238 orang calon tidak diperakukan.
- Bagi tahun 2006 juga, SPP Cawangan Sabah telah melaksanakan urusan temu duga untuk melantik tetap AKS iaitu Penyandang Pembantu Pengurusan Murid (PPPM). Seramai 132 orang calon yang melepasi tapisan dan syarat skim telah dipanggil temu duga dan cuma seramai 106 orang calon sahaja yang diperakukan untuk pelantikan tetap.

► Urusan Perkhidmatan

- Bagi urusan Perkhidmatan, Suruhanjaya telah meluluskan perakuan bagi urusan-urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan untuk seramai 871 orang PPP dan AKS. Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen melibatkan seramai 1,370 orang dan seramai 1,479 orang PPP dan AKS telah diperakukan untuk Pemberian Taraf Berpencen.

► Program-Program Rasmi Lain SPP Cawangan Sabah

- Program Kerja Lawatan Rasmi Pengerusi dan Setiausaha SPP ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Chung Hwa, Putatan, ke Sekolah Kebangsaan Tanjung Aru 1, Kota Kinabalu dan Sesi Dialog Bersama Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Sabah di Kota Kinabalu pada 5 hingga 7 April 2006;
- Program Kunjungan Hormat Pengerusi dan Setiausaha SPP ke Majlis Menghadap Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Musa Aman di Kota Kinabalu pada 7 April 2006;
- Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 783 di Hotel Le Merridien, Kota Kinabalu pada 14 Ogos 2006;
- Program Kunjungan Hormat Ahli-Ahli Suruhanjaya ke Majlis Menghadap Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah pada 15 Ogos 2006;
- Taklimat Berkaitan Urusan Perkhidmatan dan Pengambilan SPP di Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Sabah, Kota Kinabalu pada 15 Ogos 2006;
- Majlis Sesi Dialog Bersama Pegawai-Pegawai JPN Sabah di JPN Sabah, Kota Kinabalu pada 15 Ogos 2006;



- ▶ Program Kerja Lawatan Rasmi Pengerusi SPP ke sekolah-sekolah Pulau Sebatik, Tawau pada 16 Ogos 2006;
- ▶ Sesi Taklimat Berkaitan Urusan Perkhidmatan dan Pengambilan SPP di Dewan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa, Tawau dan Majlis Sesi Dialog Pengerusi dan Pegawai Kanan SPP bersama anggota pendidikan zon Tawau pada 16 Ogos 2006;
- ▶ Program Kerja Lawatan Rasmi Timbalan Pengerusi SPP ke Sekolah Kebangsaan Pulau Omadal, Semporna dan Sekolah Menengah Agama Tun Sakaran, Semporna, Sabah serta Sesi Ceramah Motivasi Pelajar-Pelajar oleh Timbalan Pengerusi serta Majlis Sesi Dialog bersama guru-guru sekolah berkenaan pada 18 hingga 19 Ogos 2006.

SPP CAWANGAN SARAWAK



Pengenalan

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), Cawangan Sarawak ditubuhkan pada 16 Julai 1976 berdasarkan kepada *Education Act 1961 (Extension to Sarawak) Order 1976*. Urusan-urusan Perkhidmatan Pendidikan di Negeri Sarawak hanya dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan-peraturan Persekutuan sepenuhnya selepas 1 Julai 1978 iaitu setelah berkuatkuasa Laporan Jawatankuasa Kabinet. Sebelum tarikh tersebut, berasaskan kepada Perintah Am Negeri, Pekeliling-Pekeliling dan Peraturan-Peraturan yang digunapakai pada masa itu.

Urus Setia ini merupakan sebuah cawangan yang beribu pejabat di Putrajaya dan bertindak di dalam melaksanakan semua aktiviti-aktiviti yang diperturunkan di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan bagi mengendalikan urusan-urusan berhubung dengan Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen, Pertukaran Tetap Perkhidmatan (kecuali bagi kes-kes Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib) ke atas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) dalam Perkhidmatan Pendidikan. Selain itu juga, SPP Cawangan Sarawak melaksanakan secara penurunan kuasa mengikut Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan.

Fungsi

SPP Cawangan Sarawak adalah sebuah agensi di bawah SPP yang beribu pejabat di Putrajaya di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Cawangan ini diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Pentadbir, dibantu oleh 3 orang Pegawai Pentadbir, 2 orang Penolong Pegawai Pentadbir, seorang Penolong Pegawai Sistem Maklumat, seorang Pembantu Kesetiausahaan, seorang Pembantu Tadbir Kanan dan 17 orang Anggota Kumpulan Sokongan.

Cawangan ini melaksanakan kuasa dan fungsi dalam bidang utama iaitu Urusan Pengambilan, Urusan Perkhidmatan PPP dan AKS di Sarawak dan melaksanakan tugas Urusan Pentadbiran dan Kewangan, menjaga kebajikan pegawai dan kakitangan SPP di Sarawak.

Urusan Pengambilan

SPP Cawangan Sarawak melaksanakan Urusan Pengambilan dan Pelantikan tetap bagi jawatan PPP iaitu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS), Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) dan AKS seperti Pembantu Tadbir, Pembantu Makmal, Penyelia Asrama dan Pembantu Tadbir Rendah.

SPP Cawangan Sarawak bertanggungjawab mempelawa calon-calon berkelayakan penuh untuk mengemukakan permohonan bagi dilantik ke jawatan tetap. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses untuk dipanggil temu duga. Urusan temu duga melibatkan tugas memproses, menyediakan jadual temu duga, mengenalpasti pusat temu duga, membuat tempahan pusat temu duga serta mengeluarkan surat panggilan temu duga. Calon-calon yang berjaya dalam temu duga akan diperakukan kepada SPP untuk dipertimbangkan bagi lantikan ke jawatan tetap. Kertas perakuan mengenai perkara tersebut disediakan oleh Cawangan ini.

Sebaik sahaja perakuan pelantikan tetap itu diluluskan oleh Suruhanjaya, Urus Setia akan mengeluarkan Surat Tawaran Pelantikan Tetap dan dokumen-dokumen iringan untuk diisikan oleh calon-calon yang telah diperakukan dan seterusnya mengeluarkan surat Pengesahan Pelantikan apabila mereka memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Cawangan ini juga bertanggungjawab menyediakan kertas perakuan pelantikan tetap ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) Gred DG27 tanpa temu duga dari kalangan kategori B1/B2 Gred DG8 (Khas Untuk Penyandang/KUP). Pegawai-pegawai berkenaan akan ditawarkan pelantikan tetap sebaik sahaja diluluskan oleh Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ). Cawangan ini juga memproses rayuan ke atas penetapan gaji permulaan dan tarikh lantikan.



Urusan Perkhidmatan

1. Memproses perakuan untuk urusan perkhidmatan PPP dan AKS yang dikemukakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Sarawak, Maktab-Maktab Perguruan dan Politeknik.
2. Menyediakan kertas perakuan untuk pertimbangan Suruhanjaya bagi Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen, Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen, Pelanjutan Tempoh Percubaan Dan Pemberian Taraf Berpencen.
3. Menandatangani surat perakuan urusan perkhidmatan setelah diluluskan oleh MSJ.

Urusan Pentadbiran Dan Kewangan

1. Menyediakan khidmat sokongan kepada ahli-ahli SPP yang menjalankan temu duga di Sarawak.
2. Mengurus peruntukan yang telah diberi dengan menyediakan keperluan-keperluan asas pejabat dan personel.
3. Membantu Urus Setia ibu pejabat menguruskan MSJ yang diadakan di Sarawak.

Aktiviti

1. *Roadshow* Urusan Perkhidmatan anjuran bersama SPP dan JPN Sarawak di Sarawak pada 26 hingga 29 Jun 2006.

2. Temu Duga Pelantikan ke Jawatan Tetap PPPS Gred DG41 dan PPPLD Gred DG29 di Sarawak

Sepanjang tahun 2006, sebanyak 11 sesi temu duga telah diadakan yang mana telah melibatkan 78 lembaga dan seramai 4,919 guru telah dipanggil temu duga. Sesi temu duga bagi PPPS dan PPPLD kebiasaannya diadakan di beberapa bandar utama termasuk kawasan pedalaman tertentu di Sarawak.

3 MSJ ke-789 di Sarawak pada 27 hingga 30 November 2006

Pada 27 hingga 30 November 2006, SPP Cawangan Sarawak telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah bagi MSJ ke-789 yang diadakan pada 29 November 2006 di Hotel Crowne Plaza, Kuching. Pada 28 November 2007 pula, Program Hari Bertemu Pelanggan dan Majlis Sesi Dialog telah diadakan juga di Hotel Crowne Plaza, Kuching. Lebih kurang seramai 120 jemputan dari JPN Sarawak, Pejabat Pelajaran Gabungan (PPG), Pejabat Pelajaran Daerah Kecil (PPDK), Politeknik dan Kolej Komuniti telah hadir ke majlis tersebut. Antara perkara-perkara yang telah dibincangkan dalam sesi dialog tersebut adalah isu-isu dan masalah yang kebanyakannya dihadapi oleh pihak JPN Sarawak, PPG dan PPDK, khususnya dalam Urusan Pengambilan, Perkhidmatan dan Urusan Naik Pangkat dan Tatatertib. Sesi dialog tersebut telah berjaya merungkai beberapa persoalan dan kemusykilan di samping dapat menambahkan pengetahuan dan pemahaman dalam Urusan Pengambilan, Urusan Perkhidmatan dan Urusan Naik Pangkat dan Tatatertib serta dapat mengeratkan hubungan kerjasama antara pihak SPP dan JPN Sarawak dan agensi-agensi lain dalam perkhidmatan pendidikan.



“ Bersyukur dan Berusaha Ke
Arah Kecemerlangan Diri ”



HASIL KERJA SURUHANJAYA

Hasil Kerja SPP sepanjang tahun 2006 secara ringkasnya adalah seperti berikut :

BAHAGIAN	PERKARA	JUMLAH			
BKPSM	Aktiviti / Urusan :				
	▶ Mesyuarat Suruhanjaya	24			
	▶ Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib	23			
	▶ Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	-			
JUMLAH BESAR		47			
PENGAMBILAN PPP	AKTIVITI / URUSAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	
	4.1 : Jumlah Calon PPP Ditemu duga (Hadir)	19,918	4,391	4,869	29,178
	4.2 : Jumlah Calon PPP Diperaku	18,476	4,034	4,526	27,036
	4.3 : Jumlah Calon PPP Tidak Diperaku	1,102	238	243	1,583
	4.4 : Jumlah Lain-lain Keputusan Temu Duga	340	119	100	559
	JUMLAH BESAR				58,356

Samb.

	AKTIVITI / URUSAN	SEMENANJUNG	SABAH	SARAWAK	JUMLAH
PENGAMBILAN AKS	5.1 : Jumlah Calon AKS Ditemu duga	2,665	132	108	2,905
	5.2 : Jumlah Calon AKS yang diperaku / lulus temu duga	1,795	106	107	2,008
	JUMLAH BESAR				4,913
PERKHIDMATAN	Aktiviti / Urusan :				
	▶ Pengesahan Dalam Perkhidmatan				9,035
	▶ Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen				19,786
	▶ Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen				184
	▶ Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan Dalam Perkhidmatan				39
	▶ Pelanjutan Tempoh Percubaan				169
	▶ Pemberian Taraf Berpencen				7,943
	▶ Opsyen Skim Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)				20,764
Jumlah Kecil				57,920	



Samb.

BAHAGIAN	PERKARA	JUMLAH
PERKHIDMATAN	Aktiviti / Urusan :	
	▶ Pertukaran Sementara	122
	▶ Pinjaman	53
	▶ Pelantikan Secara Kontrak / Pembaharuan Pelantikan Secara Kontrak	12
	▶ Opsyen Pertukaran Pelantikan	502
	▶ Penamatan Perkhidmatan	5
	▶ Naziran Di Bawah Penurunan Kuasa	16
	▶ Sesi Penerangan	32
	Jumlah Kecil	742
	JUMLAH BESAR	58,662
NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB	▶ Kenaikan Pangkat	1
	▶ Rayuan Kenaikan Pangkat	-
	▶ Tindakan Tatatertib	26
	▶ Rayuan Tindakan Tatatertib	69
		JUMLAH BESAR
	JUMLAH BESAR SECARA KESELURUHAN	122,074



AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2006

